

SULIT

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9983

SOALAN :

**Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci berapa ramaiakah rakyat
Malaysia dan warga asing di negara ini yang terlibat dengan militan Daesh.**

SULIT

SULIT

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 2013 sehingga 30 Jun 2017, seramai 310 orang elemen Daesh telah ditahan dengan pecahan 258 orang warganegara Malaysia dan 52 orang warganegara asing daripada 14 buah negara.

Sementara itu, seramai 95 orang warganegara Malaysia telah dikesan dan dikenalpasti terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Syria dan Iraq. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah kembali dan ditangkap oleh PDRM, 34 orang telah mati manakala baki seramai 53 orang lagi masih berada di kawasan bergolak.

SULIT